

# Abang Dr. Mahathir meninggal dunia

UM 13 DEC 2000

SUNGAI PETANI 12 Dis. — Abang Perdana Menteri, Mahadi Mohamad, 86, meninggal dunia selepas terjatuh di bilik air rumahnya di Sungai Layar di sini hari ini.

Allahyarham menghembuskan nafas terakhir di sisi isterinya, Kalsom Hamzah, 60, di rumahnya di nombor 11, Jalan Syed Osman Idid, Taman Jubli, Sungai Layar kira-kira pukul 9.30 pagi ini.

Allahyarham yang semasa hayatnya seorang usahawan bumiputera, meninggalkan seorang isteri dan

lima anak, dua lelaki dan tiga perempuan. Mahadi merupakan abang ketiga Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad daripada lima beradik. Dr. Mahathir adalah anak bongsu.

Sementara itu Dr. Mahathir bersama isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali tiba untuk menziarahi jenazah Allahyarham di rumah itu pada pukul 1 tengah hari ini.

Hadir sama menziarahi jenazah Allahyarham ialah abang dan kakak Dr. Mahathir iaitu Rafeah, Habshah dan Mashahor serta

kaum keluarga terdekat yang lain.

Turut kelihatan di kediaman Allahyarham ialah Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Datuk Ismail Shafie; Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Badaruddin Amiruldin dan bekas Pengerusi Eksekutif Kumpulan Utusan, Tan Sri Khalid Abdullah.

Jenazah Allahyarham disembahyangkan di Masjid Kampung Penghulu Him dan dikebumikan di tanah perkuburan di masjid itu selepas sembahyang asar, petang ini.